

# Aduan DAN punca lambakan diteliti

**P**UTRAJAYA: Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi akan meneliti aduan yang dikemukakan pelbagai pihak berhubung Dasar Automotif Negara (DAN) yang dikatakan menyebabkan lambakan kenderaan di pasaran tempatan.

"Saya sudah menerima surat yang agak panjang daripada beberapa pihak beberapa hari lalu dan berjanji akan menelitinya," kata Perdana Menteri, kepada pemberita di sini, semalam.

Beliau berkata demikian ketika diminta mengulas mengenai aduan pelbagai pihak khususnya wakil industri automotif tempatan yang mendakwa DAN menyebabkan lambakan kira-kira 800,000 kenderaan baru dan terpakai termasuk 40,000 kereta na-

sional di pasaran iaitu lebih sekitar 250,000 daripada keadaan biasa.

Keadaan itu dikatakan berlaku kerana harga kenderaan yang semakin murah berikutan pelaksanaan DAN menyaksikan industri automotif bersaing hebat selain syarat kredit pinjaman bank untuk pembelian kereta diperketatkan.

Sementara itu, laporan akhbar tempatan baru-baru ini pula menyebutkan jika keadaan itu berterusan, kira-kira 70 peratus daripada 300 syarikat penjual kereta tempatan mungkin terpaksa ditutup.

Keadaan itu menyebabkan pihak terbabit mahu kerajaan mengkaji semula DAN, untuk mengatasi masalah lambakan kenderaan yang dikatakan

FAKTA NOMBOR

## Pengenalan DAN

**800,000**

Lambakan kenderaan baru

**250,000**

Lebih daripada keadaan biasa

turut menjejaskan peniaga kenderaan milik Bumiputera.

Laporan itu juga menyebut, Proton hanya mengeluarkan sekitar 10,000 unit kereta sebulan berbanding 15,000 hingga 16,000 sebulan sebelum ini.

DAN yang diumumkan kerajaan Oktober lalu, bertujuan menggalakkan sektor automotif yang kompetitif, terutama pengeluar kereta nasional, di samping menjadikan negara hab serantau pembuatan, pemasangan dan pengedaran kereta.

Selain itu, penyelarasan dan perubahan struktur cukai meliputi duti import dan eksais bagi pelbagai jenis kereta, sama ada diimport untuk pemasangan tempatan (CKD) atau siap bina (CBU) dari dalam dan luar negara Asean, juga diumumkan.